

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

SOALAN : 51

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah afirmatif Kerajaan dalam menurunkan kadar kemalangan motosikal di negara ini.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), didapati bahawa penyumbang utama kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada sikap/kecuaian manusia.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) amat komited terhadap usaha untuk mengubah sikap pengguna jalan raya di Malaysia terutamanya para penunggang motosikal supaya lebih berdisiplin dan bertimbang rasa. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mendidik pengguna jalan raya supaya kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya dapat terus dikurangkan. Kerajaan secara dasarnya mengamalkan pendekatan 5E sebagai langkah holistik ke arah meningkatkan tahap keselamatan jalan raya sekaligus mengurangkan kadar kemalangan serta kematian di jalan raya di Malaysia. Pendekatan 5E ini merangkumi Pendidikan (*Education*), Penguatkuasaan (*Enforcement*), Kejuruteraan (*Engineering*), Persekitaran (*Environment*) dan Penilaian (*Evaluation*).

Di bawah Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020, beberapa strategi telah dirangka bagi mencapai matlamat mengurangkan kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara. JKJR menekankan aspek pendidikan dan advokasi sebagai strategi untuk

meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya dalam mengurangkan kadar kemalangan maut.

Selain itu, Kerajaan juga amat menitikberatkan elemen pendidikan/kesedaran yang merupakan sebahagian langkah intervensi dalam menangani isu keselamatan jalan raya. Matlamat Kerajaan adalah untuk membentuk generasi pengguna jalan raya yang lebih berhemah dan mematuhi undang-undang jalan raya. Bagi maksud ini dua pendekatan telah digunapakai iaitu melalui pendidikan secara formal dan informal.

Di bawah pendekatan **pendidikan formal**, Kerajaan (melalui JKJR dan Kementerian Pendidikan Malaysia) telah melaksanakan modul pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) bagi pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Usaha juga sedang diambil untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan lagi keberkesanan modul PKJR di sekolah supaya ianya terus dapat membentuk generasi pengguna jalan raya yang berhemah pada masa hadapan dengan memasukkan isu-isu terkini keselamatan jalan raya. Di samping itu, Kerajaan juga telah menggubal semula Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) berasaskan "*learning outcome based*" di mana penekanan telah diberikan terhadap aspek kognitif (*cognitive*), kemahiran (*psychomotor*) dan sikap (*affective*). KPP baharu ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2014.

Di bawah pendekatan **pendidikan informal** pula, Kerajaan melalui JKJR telah dan akan meneruskan pelbagai kempen media dan melaksanakan *Community Based Programmes* (CBP) untuk meningkatkan kesedaran

terhadap keselamatan jalan raya di kalangan orang ramai dan program kepada kumpulan sasar.

